

# Kerajaan Digesa Haramkan CTOS

Oleh : AHMAD ZAIDI

**RAMAI** pembaca yang bersetuju supaya CTOS yang memberi maklumat seseorang itu kepada pihak bank atau lain-lain badan tanpa kebenaran orang yang terlibat tentang rekodnya yang menyebabkan seseorang itu tidak dapat meminjam wang dan sebagainya disebabkan namanya telah disenarai hitamkan atau diharuskan terus.

Perbuatan CTOS itu telah memberi masalah yang amat besar selain memalukan kepada bakal-bakal peminjam. Yang dikesalkan sangat ialah biarpun seseorang itu berhutang ataupun ada hutang tertanggung yang jumlahnya kecil tetapi nama beliau masih dicatitkan sebagai berhutang justeru, seseorang itu tidak dapat meminjam lagi selagi nama beliau masih berada dalam senarai hitam di CTOS.



Presiden PPP, Dato' M. Kaveas, ... dedahkan jumlah yang disenarai hitamkan itu 80% - 90% adalah dari golongan orang Melayu.

Yang menyedihkan lagi, setelah selesai hutang, seseorang itu kepada peminjam, nama orang itu akan sentiasa disimpan dalam senarai atau rekod CTOS dan sudah tentunya peluang beliau untuk meminjam tersekat langsung.

Cara ini telah menganiaya ramai bakal peminjam untuk memula atau membesarkan perniagaan selain dari mereka mendapat malu.

Persoalannya, kenapa baru sekarang Kerajaan menyedari tentang perbuatan CTOS ini setelah hampir 20 tahun mereka ber

operasi?

Difahamkan juga iaitu jika nama mereka sudah dipadamkan dari senarai itu, mereka dikenakan pula bayaran secara terang-terangan ataupun melalui "bawah meja". Bukankah ini satu perbuatan salah?

Justeru, Bank Negara dan Kerajaan mesti bertindak tegas dan tidak bertolak ansur dalam isu ini.

Yang amat menyedihkan lagi ialah apa bila Presiden PPP, Dato' M. Kaveas, menedahkan bahawa dari jumlah orang yang disenarai hitamkan itu 80% - 90% adalah dari golongan orang Melayu.

Jika benar, maka timbul persoalan iaitu mungkinkah ini satu perbuatan terancang atau sabotaj untuk melemahkan ekonomi orang Melayu yang sudahpun dikehendaki lemah?

Mengapa nama orang Melayu sahaja yang ramai disenarai apatah lagi syarikat CTOS dikelola dan dipunyai oleh bukan Melayu. Satu persoalan lagi?

Kenapa UMNO tidak bertindak cepat dan meminta Kerajaan mengharamkan CTOS dari terus berfungsi, tanpa halangan apa-apa dari kerajaan?

Agaknya jika Dato' Kaveas tidak membongkar dan tegas dengan pendiriannya, CTOS akan terus bermaharajalela dan mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit hasil dari operasi mereka tanpa mengendahkan kesusahan yang ditanggung oleh orang-orang yang disenarai hitamkan oleh CTOS.

**'Blacklist' civil servant sues firm for RM2m**

**85 CHARGES FILED IN COURTS**

**THOSE CHARGED:**

- CTOS Sdn Bhd
- Two directors
- Three other related firms
- Two company secretaries

Director Chung Tin Keng

TURN TO PAGE 5, COL 1

Keratan akhbar 'New Straits Times' bertarikh 7 Julai 2007 yang memaparkan berita mengenai 85 tuduhan yang difailkan di mahkamah terhadap pengurusan CTOS

## Wakil Rakyat Ampang Jaya Didakwa Anti-Melayu?